

**Sambungan dari muka 1**

## Dr. Mahathir sudah boleh bercakap, Abdullah datang melawat

Sementara itu, proses pemulihan bagi mereka yang menjalani pembedahan pintasan koronari dianggarkan sekitar enam bulan hingga setahun, kata Pakar Perunding Kardiologi Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Prof. Dr. Haizal Haron Kamar.

Beliau bagaimanapun berkata, proses pemulihan boleh dipendekkan bergantung kepada faktor umur dan kesihatan pesakit.

Katanya, proses pemulihan berbeza bagi setiap individu tetapi mereka yang masih muda hanya memerlukan tempoh dua hingga empat bulan untuk pulih selepas pembedahan.

"Namun, jika umur pesakit melebihi 50 tahun dan tahap kesihatan mereka baik, tidak mustahil mereka dapat kembali melakukan aktiviti ringan seperti bermain golf dalam masa tiga hingga enam bulan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Dr. Haizal berkata, bagi pesakit jantung yang menjalani pembeda-

han pintasan koronari kali kedua, risiko untuk mendapat komplikasi tetap ada.

Menurut beliau, proses pembedahan pintasan koronari tidak menyembuhkan penyakit jantung yang dihadapi cuma doktor mengubah suai saluran darah yang tersumbat untuk memulihkan perjalanan darah di sekitar jantung.

Menurut beliau, terdapat faktor-faktor yang tidak boleh diubah yang memungkinan orang ramai mendapat serangan jantung seperti keturunan, jantina, umur dan bangsa.

**ABDULLAH** Ahmad Badawi dan isteri, Jeanne Abdullah yang diiringi Ketua Pegawai Eksekutif IJN, Mohd. Razif Mohd. Yunus (dua dari kiri) melawat Dr. Mahathir Mohamad di pusat pakar jantung itu di Kuala Lumpur, semalam.

